BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 03/06/05

EMBARGO: Tidak boleh diterbitkan atau disiarkan sebelum jam 1700 pada hari Selasa, 28 Mac 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan Februari 2006
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pertumbuhan dalam pembiayaan sektor swasta dapat dikekalkan pada bulan Februari, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.5%. Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.2%, dengan pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh pada 8.3%. Kesemua penunjuk pinjaman utama (permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman) mencatat pertumbuhan kukuh pada asas tahunan.

Sistem perbankan kekal teguh dengan permodalan yang mantap dan kualiti pinjaman yang stabil. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) kekal tidak berubah pada 13.4% pada akhir bulan Februari, manakala pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih, berdasarkan klasifikasi 6 bulan, stabil pada 4.6% semenjak akhir bulan Disember 2005.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 03/06/05

EMBARGO: Tidak boleh diterbitkan atau disiarkan sebelum jam 1700 pada hari Selasa, 28 Mac 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN FEBRUARI 2006

Pertumbuhan pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pertumbuhan dalam pembiayaan sektor swasta dapat dikekalkan pada bulan Februari, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.5%. Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.2%, dengan pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh pada 8.3%. Kesemua penunjuk pinjaman utama (permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman) mencatat pertumbuhan kukuh pada asas tahunan.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran PDS lebih rendah pada bulan Februari, dengan lima syarikat memperoleh dana untuk membiayai aktiviti baru. Dana bersih, termasuk bon Cagamas, yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM1.2 bilion.

Pada tempoh 3 – 22 Februari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.98% – 3.01%, dan berpurata pada 3%. Sejurus selepas kenaikan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 3.25% pada 22 Februari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman berada dalam julat antara 3.22% - 3.25%, dan berpurata hampir pada 3.25%

sepanjang tempoh 23 Februari – 27 Mac. Kadar antara bank pada tempoh matang lain juga meningkat. Dari segi kadar pinjaman runcit, pada 15 Mac, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan meningkat kepada 6.47% kerana kebanyakan bank perdagangan menaikkan BLR masing-masing dalam julat antara 0.25% - 0.50%. Sementara itu, kadar deposit tetap (FD) disebut purata bagi bank perdagangan juga meningkat untuk tempoh matang 1 bulan hingga 9 bulan.

Pada tempoh 1 Februari – 27 Mac, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, kekal tidak berubah pada 3.2% pada bulan Februari. Kenaikan utama adalah dalam harga kategori makanan dan minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain; dan pengangkutan.

Wang secara luas, atau M3, berkembang pada kadar tahunan 7.8%, sementara wang secara kecil, atau M1, tumbuh pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 7.7%. Pertumbuhan M1 yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pemegangan mata wang yang berkurang, berikutan berakhirnya musim perayaan dan bilangan hari bekerja yang lebih rendah.

Sistem perbankan kekal teguh dengan permodalan yang mantap dan kualiti pinjaman yang stabil. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) kekal tidak berubah pada 13.4% pada akhir bulan Februari, manakala pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih, berdasarkan klasifikasi 6 bulan, stabil pada 4.6% semenjak akhir bulan Disember 2005.

Kadar faedah meningkat berikutan kenaikan OPR

Pada tempoh 3 – 22 Februari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.98% - 3.01%, dan berpurata pada 3%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil. Pada 22 Februari, Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Sejurus selepas kenaikan OPR, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman berada dalam julat antara 3.22% - 3.25%, dan berpurata hampir pada 3.25% sepanjang tempoh 23 Februari – 27 Mac. Kadar antara bank pada tempoh matang lain juga meningkat.

Dari segi kadar pinjaman runcit, BLR purata bank perdagangan meningkat kepada 6.47% pada 15 Mac (akhir Januari: 6.21%) kerana kebanyakan bank perdagangan menaikkan BLR masing-masing dalam julat antara 0.25% - 0.50%. Sementara itu, kadar FD disebut purata bagi bank perdagangan untuk tempoh matang 1 bulan hingga 9 bulan juga meningkat, manakala kadar untuk tempoh matang 12 bulan kekal tidak berubah.



Kadar antara bank semalaman purata meningkat berikutan kenaikan dalam OPR



Kadar antara bank juga meningkat berikutan kenaikan OPR



BNM menyerap mudah tunai lebihan daripada sistem perbankan



Kadar pinjaman bank perdagangan meningkat



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit lebih rendah sedikit pada bulan Februari berikutan pertumbuhan deposit mengatasi pertumbuhan pinjaman



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jan 06	3.01	3.03	3.05	3.09	3.70
Feb 06	3.02	3.04	3.07	3.11	3.70
15 Mac 06	3.03	3.06	3.10	3.15	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan meningkat berikutan peningkatan OPR



Kadar deposit tetap benar 3 bulan kekal negatif pada bulan Februari

Prestasi ringgit

Pada tempoh 1 Februari – 27 Mac, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau. Ringgit bertambah kukuh berbanding dengan dolar AS, mencerminkan aliran perdagangan dan modal yang mendasarinya. Ringgit juga dipengaruhi perkembangan dalam mata wang negara-negara G3 lain. Aktiviti pasaran yang wujud ketika tamatnya pelonggaran dasar monetari Bank of Japan secara kuantitatif menyumbang kepada yen Jepun yang lebih lemah. Euro juga menyusut nilai berikutan jangkaan bahawa pengetatan dasar monetari dalam kawasan euro akan terus berlaku selepas pengetatan dasar monetari di AS. Dalam tempoh ini, ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat antara 1.1% - 2.2%. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (1.6%) dan peso Filipina (0.9%).





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 05	Jan. 06	Feb. 06	27 Mar. 2006	Akhir Dis. 05 - 27 Mar. 2006	Akhir Jan. - 27 Mar. 2006
Dolar AS	3.7800	3.7510	3.7135	3.6925	2.4	1.6
Euro	4.4867	4.5813	4.4055	4.4484	0.9	3.0
Paun sterling	6.5226	6.6811	6.4643	6.4478	1.2	3.6
100 yen Jepun	3.2229	3.2264	3.1907	3.1633	1.9	2.0
Dolar Singapura	2.2714	2.3092	2.2857	2.2846	-0.6	1.1
100 baht Thai	9.2049	9.6241	9.4407	9.4813	-2.9	1.5
100 peso Filipina	7.1254	7.1512	7.1793	7.2176	-1.3	-0.9
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0400	0.0402	0.0407	-5.5	-1.6
100 won Korea	0.3739	0.3862	0.3827	0.3777	-1.0	2.2
Renminbi China	0.4686	0.4654	0.4619	0.4604	1.8	1.1

Inflasi kekal 3.2% pada bulan Februari

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, kekal tidak berubah pada 3.2% pada bulan Februari (Januari: 3.2%). Kenaikan utama adalah bagi harga kategori makanan dan minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain; dan pengangkutan. Walau bagaimanapun, kenaikan harga makanan dan minuman bukan alkohol sederhana sedikit kepada 4.1% pada bulan Februari (Januari: 4.3%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan harga makanan di rumah yang lebih perlahan. Sementara itu, harga pakaian dan kasut serta caj komunikasi adalah lebih rendah berbanding dengan paras harga setahun yang lalu.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telan diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi 3.2% pada bulan Februari

Harga pengeluar meningkat pada bulan Januari

Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat 13.7% pada bulan Januari (Disember 2005: 9.9%). Kenaikan IHPR disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam kategori berkaitan komoditi yang lebih kukuh, berpunca terutamanya daripada harga minyak mentah yang lebih tinggi dan kenaikan harga minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, tanpa mengambil kira kategori berkaitan komoditi, IHPR mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 1% (Disember 2005: 1.4%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan harga jentera dan kelengkapan pengangkutan, serta makanan dan binatang hidup yang lebih perlahan.



IHPR meningkat pada bulan Januari

Pertumbuhan wang secara luas kekal tidak berubah

M1 atau wang secara kecil, yang merupakan baki urus niaga, berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 7.7% pada bulan Februari (Januari: 10.3%). Ini disebabkan terutamanya oleh pemegangan mata wang yang berkurang, berikutan berakhirnya musim perayaan dan bilangan hari bekerja yang lebih rendah.

Sementara itu, wang secara luas atau M3, berkembang pada kadar tahunan sebanyak 7.8% (Januari: 7.8%). Pada asas bulanan, tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan operasi luaran bersih memberikan kesan pengembangan atas M3. Di samping itu, tuntutan terhadap sektor swasta juga menyebabkan M3 mengembang. Walau bagaimanapun, ini diimbangi sebahagiannya oleh pengurangan yang lebih kecil dalam pemegangan sekuriti oleh institusi perbankan. Faktor-faktor pengembangan ini diimbangi sebahagiannya oleh impak penguncupan pengaruh bersih lain, yang berpunca terutamanya daripada peningkatan deposit sebuah institusi kewangan bukan bank dengan Bank Negara Malaysia dan urus niaga perjanjian pembelian balik antara institusi perbankan dengan Bank Negara Malaysia yang dikendalikan di bawah Program Penjagaan Sekuriti Keinstitusian (ISCAP).

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Jan 06**	**Feb 06**
M3	68.0	49.7	5.8	6.1
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	3.6	4.5
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	45.4	0.1	2.0
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*1.3*	*2.8*
Sekuriti	*-9.2*	*0.4*	*-1.2*	*-0.7*
Operasi luar negeri bersih *	82.0	16.5	2.1	9.9
Pengaruh lain	-28.7	-6.7	0.1	-10.4

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat pada bulan Februari

Jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat RM13.1 bilion atau pada kadar tahunan sebanyak 11.3% pada bulan Februari (Januari: -RM1.2 bilion atau +10.1%). Peningkatan itu didorong terutamanya oleh penempatan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan dalam negeri, institusi kewangan dan individu. Peningkatan penempatan deposit institusi kewangan mencerminkan terutamanya penempatan antara bank.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 05	**Dis 05**	**Jan 06**	**Feb 06**
Kerajaan Persekutuan	-317	358	2,408	-3,262
Kerajaan Negeri	-44	-223	-259	897
Badan Berkanun [1]	1,056	-62	416	554
Institusi Kewangan	70	11,682	-5,049	5,509
Perusahaan Perniagaan	-287	6,345	-1,779	6,264
Individu	870	2,346	3,052	3,120
Lain-lain [2]	-279	-449	-23	6
Jumlah	1,069	19,998	-1,234	13,089

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 05	**Dis 05**	**Jan 06**	**Feb 06**
Deposit tetap	-1,820	-1,092	-4,603	-2,835
NID	-1,145	6,857	40	7,082
Deposit permintaan	-310	2,748	3,271	-1,126
Deposit tabungan	87	762	1,052	562
Perjanjian beli balik (Repo)	1,082	7,211	-4,242	9,744
Deposit mata wang asing	1,454	-286	-521	1,474
Deposit SPI	1,393	4,557	3,531	-2,300
Lain-lain	327	-759	237	487
Jumlah	1,069	19,998	-1,234	13,089

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal berdaya tahan

Pada bulan Februari, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal mengembang lagi sebanyak 7.2% pada asas tahunan kepada RM40.1 bilion (Januari: RM46.9 bilion; 3.9%). Aktiviti pembiayaan telah sedikit sebanyak terjejas akibat bilangan hari bekerja yang rendah sedikit pada bulan itu. Pembiayaan kasar didorong hampir keseluruhannya oleh pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.5% (Januari: 9.5%).



Pembiayaan kasar sektor swasta berjumlah RM40.1 bilion



Permohonan pinjaman bertambah pada bulan Februari

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	January	February	January	February
Jumlah				
Permohonan pinjaman	19.7	21.9	-7.7	18.1
Kelulusan pinjaman	14.0	13.7	0.7	16.8
Pengeluaran pinjaman	44.6	40.0	5.2	9.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.0	4.0	9.0	9.2
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	9.6	10.8	-13.4	13.8
Kelulusan pinjaman	6.5	6.0	-2.5	20.6
Pengeluaran pinjaman	30.7	25.9	6.5	5.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.5	-0.2	4.8	4.4
PKS				
Permohonan pinjaman	2.9	3.2	-25.4	-13.3
Kelulusan pinjaman	2.3	1.8	-4.0	-23.6
Pengeluaran pinjaman	9.2	8.2	4.6	8.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.6	-0.2	9.0	8.3
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	9.9	9.1	0.9	5.3
Kelulusan pinjaman	7.3	5.9	6.1	-7.8
Pengeluaran pinjaman	12.0	10.4	4.5	2.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.0	2.4	14.5	14.4

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh

Penunjuk pinjaman utama mengembang, pada asas tahunan



Pengeluaran pinjaman kepada semua sektor

Pada bulan Februari, kesemua penunjuk pinjaman utama berkembang pada asas tahunan. Khususnya, permohonan pinjaman mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 18.1% (Januari: -7.7%), mencerminkan terutamanya pertumbuhan kukuh dalam pinjaman yang dipohon oleh syarikat besar, dan sebahagian kecilnya oleh sektor isi rumah. Sementara itu, pertumbuhan dalam kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing meningkat 16.8% dan 9.7% (Januari: masing-masing 0.7% dan 5.2%). Pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi.

Pinjaman terkumpul terus berkembang pada kadar tahunan sebanyak 9.2% pada akhir bulan Februari (akhir Januari: 9%). Pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah terus meningkat pada kadar tahunan secara relatif stabil, iaitu sebanyak 14.4% (akhir Januari: 14.5%). Sementara itu, pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar tahunan sebanyak 4.4%, dengan pinjaman

PKS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.3% (akhir Januari: masing-masing 4.8% dan 9%). Bahagian pinjaman PKS terkumpul daripada pinjaman sektor perniagaan kekal pada 42.2%.

Pemerolehan dana dalam pasaran modal

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada bulan Februari berjumlah RM1.9 bilion. Dana diperoleh terutamanya sektor awam melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 5 tahun dengan jumlah kasar sebanyak RM1.2 bilion. Selepas menyelaras penebusan Bon Simpanan Merdeka, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM724.4 juta. Sementara itu, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran sekuriti hutang swasta adalah lebih rendah pada bulan itu, dengan lima syarikat memperoleh dana untuk membiayai aktiviti baru mereka. Termasuk bon Cagamas, jumlah dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM1.2 bilion.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal



[1] Includes medium-term notes

Prestasi KLCI kekal teguh

Keyakinan pasaran secara keseluruhan kekal kukuh pada bulan Februari. Pada akhir bulan Februari, KLCI ditutup lebih tinggi pada 928.94 (sejak akhir bulan Januari: +1.6%) dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM726.9 bilion (sejak akhir bulan Januari: +1.9%). Urus niaga purata harian pada bulan itu nyata bertambah baik kepada 905.2 juta unit (Januari: 630.1 juta unit).



Kebimbangan dalam negeri melembapkan prestasi KLCI

Pasaran kekal lembap bagi hampir keseluruhan bulan Mac, memandangkan sentimen terjejas oleh kebimbangan mengenai tekanan inflasi. Pada 27 Mac, KLCI lebih rendah sedikit pada 928.48 (sejak akhir Februari: -0.1%) dengan permodalan pasaran pada RM732.5 bilion (sejak akhir Februari: +0.8%). Aktiviti dagangan lebih perlahan dengan urus niaga purata harian pada 734.6 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM272.7 bilion atau bersamaan USD72.2 bilion pada 28 Februari 2006. Rizab terus meningkat kepada RM275.2 bilion atau bersamaan USD72.9 bilion pada 15 Mac 2006. Kedudukan rizab itu memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 6.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal teguh dan berdaya tahan

Sistem perbankan kekal teguh dengan paras permodalan yang mantap dan kualiti pinjaman yang stabil. Pada akhir bulan Februari, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras kekal tidak berubah masing-masing pada 13.4% dan 10.2%. Begitu juga dengan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih, berdasarkan klasifikasi 6 bulan, stabil pada 4.6% sejak akhir bulan Disember 2005.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	Nov 05	Dis 05	Jan 06	Feb 06
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.8	10.2	10.2	10.2
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.8	13.1	13.4	13.4
NPL bersih										
(klasifikasi 6 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	5.8	4.7	4.6	4.6	4.6
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	25,138	24,649	24,750	24,834
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih										
(6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Paras permodalan kekal teguh …

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…manakala paras NPL kekal stabil

Bank Negara Malaysia
28 March 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Dis 05		Jan 06		Feb 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		52.6	5.1	60.5	13.4	54.8	5.6
M1		124.0	8.5	132.0	10.3	127.0	7.7
M2		616.2	15.4	629.6	16.6	635.2	17.4
M3		667.3	8.0	673.2	7.8	679.3	7.8
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		692.6	11.0	691.4	10.1	704.5	11.3
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		558.1	8.6	560.1	9.0	564.1	9.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		77.5		77.5		76.4	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.8		86.2		85.2	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		22.4	1.0	19.7	-7.7	21.9	18.1
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.0	6.7	14.0	0.7	13.7	16.8
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		48.8	-0.2	44.6	5.2	40.0	9.7
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		43.6	3.2	42.6	-1.5	36.5	8.7
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.1		13.4		13.4	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.6		4.6		4.6	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		266.3		269.3		272.7	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		70.5		71.3		72.2	
Bilangan bulan import tertangguh		7.8		7.8		7.8	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.00		3.00		3.25	
Antarabank:	Semalaman	3.00 [3.00]		2.99 [3.00]		3.24 [3.04]	
	Seminggu	3.06 [3.04]		3.05 [3.05]		3.23 [3.07]	
	1 bulan	3.12 [3.11]		3.14 [3.14]		3.15 [3.14]	
	3 bulan	3.20 [3.15]		3.22 [3.21]		-	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.01		3.01		3.02	
	3 bulan	3.02		3.03		3.04	
BLR bank perdagangan		6.20		6.21		6.34	
ALR bank perdagangan		6.12		6.15		6.29	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		101.5	3.5	101.8	3.2	101.9	3.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		162.7	9.9	168.8	13.7	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.7800		3.7510		3.7135	
Euro		4.4867		4.5813		4.4055	
Paun Sterling		6.5226		6.6811		6.4643	
100 Yen Jepun		3.2229		3.2264		3.1907	
Dolar Singapura		2.2714		2.3092		2.2857	
100 Baht Thailand		9.2049		9.6241		9.4407	
100 Peso Filipina		7.1254		7.1512		7.1793	
100 Rupiah Indonesia		0.0385		0.0400		0.0402	
100 Won Korea		0.3739		0.3862		0.3827	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	-3.4		1.3		0.7	
	swasta	5.7		2.0		1.2	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		899.8		914.0		928.9	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		695.3		713.2		726.9	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.